

MAJLIS SAMBUTAN KEPULANGAN DAN PEMBUBARAN TPA M-12

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3176-majlis-sambutan-kepulangan-dan-pembubaran\(tpa-m-12\)](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3176-majlis-sambutan-kepulangan-dan-pembubaran(tpa-m-12))

SUBANG, 14 Mac 17 – Majlis Sambutan Kepulangan dan Pembubaran Tim Pemantau Antarabangsa Mindanao-12 (TPA M-12) telah disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor bertempat di Bangunan Pergerakan Udara, Pangkalan Udara Subang.

TPA M-12 yang diketuai oleh Mej Jen Datuk Hj Masrani bin Paiman melibatkan seramai 15 orang terdiri dari 10 pegawai dan seorang anggota dari ATM, 2 pegawai PDRM serta 2 pegawai awam. TPA M-12 telah melaksanakan misi pemantauan selama 12 bulan sejak 14 Mac 17. Dengan kepulangan ini maka secara rasminya Kontinjen TPA M-12 dibubarkan.

Turut hadir di majlis ini Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein; Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM; Panglima-panglima Perkhidmatan serta Pegawai-pegawai Kanan ATM.



